

03 JUN 2003

Mahathir-Jepun/I

DR MAHATHIR MINTA JEPUN JANGAN TOLAK PERANANNYA DI ASIA

Oleh: Salbiah Said

TOKYO, 3 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meminta Jepun supaya jangan menolak peranannya di Asia memandangkan sumbangannya terhadap rantau ini adalah besar berdasarkan formula kejayaannya yang telah mendorong negara lain secara sukarela menerima dan mengamalkannya.

"Pendekatan yang diterima pakai oleh Asia tidak seharusnya dari kalangan negara Eropah. Kita tidak perlu menakluki atau menguasai untuk memastikan nilai dan idea kita diterima.

"Formula kejayaan Jepun telah mendorong negara lain dalam Asia untuk menerima pakainya atas kehendak sendiri," kata Perdana Menteri dalam ucap tama pada satu simposium antarabangsa di sini hari ini.

Beliau berkata rakyat Jepun telah dituduh suka meniru dan biasa mengeluarkan barangan tiruan yang lebih rendah mutunya daripada produk Eropah, tetapi selepas tamatnya Perang Pasifik, Jepun telah memutuskan untuk mengeluarkan produk berkualiti tinggi sambil mengekalkan harganya yang rendah.

"Jepun berjaya dengan begitu mengagumkan. Tetapi ia masih dianggap sebuah negara peniru," kata Dr Mahathir pada simposium sehari bertajuk "Dimensi Asia di bawah Order Baru Dunia: Perkembangan Paradigma di Asia dan Jepun" anjuran Institut Bagi Kajian Dasar Antarabangsa (IIPS) di Hotel Okura di sini.

Perubahan, katanya, boleh menjadi sesuatu yang baik atau membawa keburukan.

"Apabila Jepun memutuskan untuk menjadi modern, ia juga menerima pakai nilai-nilai Eropah yang salah. Semasa keluar daripada pemencilan, anda memutuskan untuk memperoleh satu empayar melalui penaklukan. Anda kini benar-benar menyesali keputusan yang salah itu.

"Tetapi adakah perlu untuk mengundur ke belakang dan menolak satu peranan di Asia?" tanya Dr Mahathir.

"Adalah jelas bahawa jika Jepun berhasrat untuk memainkan peranan bersama dengan negara utama lain, sumbangan Jepun adalah begitu besar," katanya.

Dr Mahathir berkata sesetengah idea yang dicetuskan dari kalangan Eropah juga adalah memudaratkan sambil menyebut dasar liberalisasi dan dasar tanpa peraturan sebagai contoh.

Ekonomi dunia, katanya, tumbuh agak baik sebelum idea liberalisasi dan dasar tanpa peraturan dalam sebuah dunia tanpa sempadan dicetuskan.

"Malahan, pemulihan pesat Jepun dan pertumbuhan Korea dan Asia Tenggara tidak langsung bergantung kepada liberalisasi perdagangan dan perniagaan berasaskan peraturan dalam pasaran bebas. Di sini saya mahu menarik perhatian bahawa sebuah pasaran bebas dengan perdagangan berasaskan peraturan adalah bercangah dari segi istilahnya," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata Asia, walaupun merupakan sebuah benua yang besar, ia tidak maju dengan seimbang seperti Eropah, begitu juga rakyatnya yang tidak sama dari segi etnik dan budaya.

Beliau berkata hanya sebuah negara di Asia yang maju iaitu Jepun, sementara Korea Selatan dan China sedang pesat berkembang tetapi Asia Tenggara dan benua kecil India adalah di belakang China dan Korea. Negara lain di Asia, iaitu Asia Tengah dan Barat, tidaklah begitu maju.

Akibatnya Asia tidak boleh memperkenalkan dirinya sebagai satu entiti tunggal dengan pendirian bersama mengenai isu-isu antarabangsa.

Selain itu, buat masa ini rakyat Asia tidak bersedia dari segi

psikologinya untuk memainkan peranan mereka dalam hal ehwal antarabangsa.

"Mereka masih cenderung untuk mengalah kepada Eropah. Mungkin ini merupakan peninggalan daripada penguasaan Eropah terhadap Asia sebelum ini." atanya.

Beliau berkata rakyat Amerika, Kanada, Australia dan New Zealand mungkin tidak tinggal di Eropah tetapi dari segi budaya mereka adalah rakyat Eropah dan mereka lebih cenderung untuk bersatu apabila berhadapan dengan cabaran oleh rakyat bukan Eropah.

Dr Mahathir berkata: "Hubungan itu bukan hanya dari segi perkauman, tetapi juga dari segi agama, bagi rakyat Eropah sekurang-kurangnya mereka Kristian dan sebagai penganut Kristian permusuhan lama mereka terhadap Islam terutamanya masih mewarnai pemikiran mereka.

"Mereka pada satu ketika lebih kepada anti Yahudi atau anti Semitik. Bagaimanapun disebabkan gerun dengan kehancuran, mereka kini sanggup mengikut rentak untuk menebus dosa jenayah yang mereka lakukan. Begitulah mereka menukar pendirian dan bersedia menerima jenayah yang dilakukan oleh Israel," katanya.

-- BERNAMA

SS HK RON